

Persepsi Pelajar 4 Spi Terhadap Aktiviti Dakwah Dalam Kalangan Pelajar

Mohd Ismail Bin Mustari & Siti Zaharah Binti Hussin
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian yang berbentuk diskriptif ini bertujuan untuk mengetahui kegiatan dakwah dalam kalangan pelajar. Seramai 46 orang responden terdiri daripada pelajar 4 SPI telah terlibat dalam kajian ini. Sebanyak 60 soalan telah dibina dan instrument kajian yang digunakan ialah soal selidik. Terdapat dua bahagian dalam soal selidik iaitu bahagian A yang menerangkan latar belakang responden manakala bahagian B digunakan untuk menghasilkan dapatan kajian. Data-data yang diperolehi menerusi kajian ini dianalisis menggunakan *Statistical Package of Social Science (SPSS) For Windows version 14.0* dengan memberi tumpuan kepada kekerapan, peratusan dan min. Nilai kebolehpercayaan ialah $\alpha = 0.932$. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden memberikan persepsi yang positif terhadap aktiviti dakwah yang dijalankan serta memberi maklum balas yang baik terhadap kepentingan aktiviti dakwah. Sebagai maklum balas terhadap kajian yang dijalankan, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan untuk meningkatkan lagi keberkesanan dakwah terhadap pelajar.

Abstract: This descriptive research is to determine dakwah activities among students. The respondents comprise of 46 of 4 SPI students. Methodology used for this research is a questionnaire method. The questionnaire is divided to 2 sections which is into section A and section B. Section A is about demographic of respondent while in the section B researcher will get input for research. The data obtained then will be analyzed using a software Statistical Package of Social Science (SPSS) For Windows version 14.0. It is focusing on frequency, percentage and mean. Reliability value of the research instrument is $\alpha = 0.932$. The results show that the respondents are aware to the dakwah activities held and its important. The results then will be used in this research in order to enhance the dakwah activities and hope it can be used for the future planning.

Katakunci: dakwah, pelajar

Pengenalan

Dakwah boleh didefinisikan sebagai suatu ajakan atau seruan ke arah penerimaan penghayatan ajaran dan nilai-nilai Islam kepada semua tidak kira kepada yang beragama Islam mahupun yang belum menganut Islam. Proses ini dapat direalisasikan melalui pengurusan dan perancangan yang sistematik sesuai dengan saranan al-Quran supaya dakwah disampaikan secara hikmah. Allah S.W.T. mengutus, memerintah, berwasiat dan menganjurkan kepada para nabi dan rasul supaya menyampaikan dakwah kepada umat manusia. Tanggungjawab ini perlu dilaksanakan supaya manusia dapat mengamalkan agama Allah S.W.T. dengan betul dan berkesan (M. Ali Chasan Umar, 1980:18).

Penyataan Masalah

Negara kini sedang menuju kehancuran jika gejala sosial dikalangan belia yang semakin bertambah hari demi hari, tidak ditangani dan dibendung dengan segera. Kebimbangan itu diluahkan Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Dr. Syed Ali Tawfik al-Attas berikutan bertambahnya jumlah penagih dadah, kes juvana dan penghidap HIV di seluruh negara. Beliau berkata, golongan belia perlu disedarkan dan diberi bimbingan agar nilai-nilai murni dan akhlak mulia yang ada pada diri dapat disubur serta disalur ke arah kebaikan ummah (Utusan Malaysia, Rabu, 1 Nov. 2006).

Masalah moral di kalangan pelajar IPT bukan perkara baru. Setiap semester pasti ada pelajar yang ditahan kerana terlibat dalam kes khalwat dan gejala sosial. Paling terbaru, seramai empat pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia mengaku bersalah dalam satu kes khalwat di Mahkamah Tinggi Syariah, Kuala Lumpur (Utusan Malaysia, Rabu 27 Feb 2007).

Pendedahan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan mengenai peningkatan penglibatan remaja dan pelajar dalam kes jenayah semakin meningkat mestilah dipandang serius. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan, jenayah yang membabitkan remaja adalah semakin meningkat iaitu 6,838 pada tahun 2006, berbanding 5,543 pada tahun 2005. Angka ini boleh dikatakan besar mengikut pandangan Tan Sri Musa Hassan.

Masalah ini tidak boleh dibiarkan berlarutan kerana ia melibatkan banyak faktor yang boleh mendatangkan kerosakan terutamanya kepada diri remaja, agama dan negara. Tanggungjawab membanteras masalah sosial sebegini bukan sahaja tanggungjawab kerajaan malah ia harus dipikul oleh semua pihak.

Ekoran daripada permasalahan yang dibincangkan, satu kajian dilakukan kepada pelajar 4 SPI untuk melihat persepsi mereka terhadap aktiviti dakwah dalam kalangan pelajar.

Objektif Kajian

- 1 Mengenalpasti kepekaan pelajar 4 SPI terhadap aktiviti dakwah dalam kalangan pelajar.
- 2 Mengenalpasti persepsi pelajar terhadap metodologi dakwah yang digunakan.
- 3 Mengenalpasti penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti dakwah dalam kalangan pelajar.

Kepentingan Kajian

Kajian ini tertumpu dalam lingkungan pelajar tahun 4 Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) Fakulti Pendidikan UTM sahaja. Sehubungan dengan itu, kajian ini diharap dapat dimanfaatkan oleh:

- 1 Para Da'ie dalam menyampaikan mesej dakwah.
- 2 Badan-badan dakwah di UTM dalam merancang strategi dan kaedah berdakwah yang berkesan. Tujuannya ialah apa yang disampaikan dapat diterima seterusnya dilaksanakan.
- 3 Pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan pihak pengurusan Masjid Sultan Ismail (MSI) dalam merangka dan melaksanakan program berbentuk dakwah kepada para pelajar.
- 4 Badan-badan kerajaan seperti JAKIM, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan Jabatan Agama Islam (JAIN) Negeri.
- 5 Badan Non Government Organisation (NGO) Islam, seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Jamaah Islah Malaysia (JIM).

Batasan Kajian

Kajian ini tertumpu kepada pelajar 4 SPI mengenai aktiviti dakwah yang dijalankan kepada pelajar. Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelajar 4 SPI iaitu seramai 47 orang. Kajian ini hanya memfokuskan kepada aktiviti dakwah yang dijalankan dikalangan pelajar dan mengetahui serta mengkaji pandangan pelajar terhadap aktiviti tersebut.

Metodologi

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini adalah kesemua 47 orang pelajar tahun 4 SPI kecuali penyelidik yang tidak terlibat sebagai responden.

Komposisi pelajar 4 SPI terdiri daripada 8 orang pelajar lelaki dan 39 orang pelajar perempuan. Pengambilan pelajar 4 SPI sebagai sampel kajian adalah kerana mereka mengambil matapelajaran Kaedah Dakwah Dan Pengurusan sebagai salah satu subjek wajib dan sebagai bakal ustaz dan ustazah serta menjadi dai'e pada masa akan datang.

Instrumen Kajian

Instrumen adalah alat yang digunakan untuk mengukur dan memperoleh data. Ia digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi, pandangan dan keterangan latar belakang (Mohd Najib Abd Ghafar, 1999:40).

Dalam kajian ini, satu set soal selidik dipilih sebagai instrumen kajian. Soal selidik ini sesuai digunakan untuk mendapatkan data kerana melalui kaedah ini, responden lebih mudah memberikan tindak balas terhadap aspek yang diuji berbanding kaedah lain. Maklumat yang diperolehi adalah lebih tepat, mudah dan menjimatkan kos.

Kenyataan pada soal selidik dibuat mengikut skala positif dan negatif. Kenyataan yang bersikap berkecuali hendaklah dielakkan. Matlamat penggunaan kaedah ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan pendapat daripada responden mengenai masalah yang dikaji. Penyediaan item-item soalan di dalam borang soal selidik adalah hasil perbincangan bersama pembimbing, pembacaan dan rujukan kajian terdahulu.

Oleh kerana instrumen kajian yang digunakan berbentuk soal selidik, penyelidik telah membina set soalan yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Tujuan bahagian A dibina adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai responden. Bahagian A menggunakan senarai semak jenis skala Thurson yang mana soal selidik adalah berkaitan dengan profil responden.

Menurut Mohd Najib (1998:98), skala ini memudahkan untuk mendapatkan kerjasama responden sekali gus dapat menghasilkan item yang boleh dipercayai. Pada bahagian B pula penyelidik menggunakan soal selidik yang mempunyai 60 item soalan berdasarkan skala likert.

Kajian Rintis

Menurut Mohd Najib Abd Ghafar (1999:42) kajian rintis dijalankan adalah untuk mengetahui nilai kebolehpercayaan serta kesahan item-item soal selidik yang dibina sebelum kajian sebenar dijalankan. Selain itu, kajian rintis digunakan untuk mengkaji masalah yang akan timbul sewaktu proses soal selidik dijalankan.

Ia juga mengenalpasti sejauhmana kesesuaian keseluruhan penggunaan instrumen kepada responden terutamanya dalam penggunaan istilah dan struktur ayat. Selain itu, ia digunakan untuk mengetahui sejauhmana responden memahami setiap pernyataan dan soalan yang digunakan.

Keputusan

Hasil analisis yang dibuat, dapat disimpulkan bahawa pelajar-pelajar 4 SPI begitu peka terhadap aktiviti dakwah yang dijalankan dalam kalangan pelajar. Ini adalah selari dengan dapatan yang diperolehi melalui kajian yang dibuat oleh Siti Nafeesah binti Ishak (2005) yang bertajuk "Persepsi Pelajar Terhadap Aktiviti Dakwah Dalam Pembentukan Akhlak Jamaah Dan Masyarakat Setempat, Satu Kajian di Kolej 13 UTM". Kajian ini berkisar tentang kepentingan aktiviti dakwah terhadap pembentukan akhlak ahli jamaah dan masyarakat setempat. Dapatan kajian telah menjelaskan bahawa masyarakat kolej 13 bersetuju mengatakan mereka memerlukan aktiviti dakwah untuk membentuk akhlak yang mulia.

Dalam menyampaikan dakwah kepada pelajar, pelbagai cara boleh digunakan termasuklah menyediakan bahan bacaan seperti risalah, buletin dan sebagainya. Bahan bacaan ini perlu disesuaikan dengan keadaan dan kehendak pembaca supaya apa yang ingin disampaikan dapat diterima dengan baik. Pengeluaran bahan bacaan ini perlu diperbanyakkan penerbitannya dan diagihkan kepada pelajar agar mereka mendapat menambah input sedia ada.

Oleh itu, tanggungjawab ini perlu direalisasikan supaya dapat melahirkan modal insan yang berkebolehan dalam segenap segi. Kerjasama semua pihak amat diperlukan dan strategi yang berkesan haruslah difikirkan supaya apa yang akan dilakukan mendapat kejayaan.

Perbincangan

Maklumat Latar Belakang Responden

Kajian ini melibatkan jumlah responden seramai 46 orang. Perbincangan mengenai latar belakang responden yang pertama ialah jantina. Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan, taburan responden yang paling ramai ialah pelajar perempuan iaitu 82.6%, manakala jumlah pelajar lelaki pula ialah 17.4%. Hal ini terjadi kerana kebanyakan pelajar 4 SPI adalah terdiri daripada pelajar perempuan.

Analisis yang seterusnya ialah berkaitan dengan latar belakang pendidikan responden sebelum memasuki UTM. Keputusan analisis mendapati bahawa sebahagian responden terdiri daripada pelajar lepasan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama iaitu sebanyak 52.2%. Responden yang berasal dari Sekolah Agama Kerajaan Negeri adalah sebanyak 26.1% diikuti dengan Sekolah Agama Rakyat dan lain-lain sekolah sebanyak 8.7%. Manakala sebanyak 4.3% responden adalah daripada Sekolah Menengah Kebangsaan. Ini menunjukkan bahawa responden mempunyai asas pendidikan agama dan bersemangat untuk lebih bergiat cergas dalam aktiviti dakwah bagi merealisasikan ilmu yang dipelajari.

Jika dilihat sejarah silam, para ulama' mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi tentang agama Islam. Mereka menguasai pelbagai bidang ilmu dan menjadi pemikir kepada ilmu-ilmu baru untuk dijadikan rujukan. Contohnya seperti Hassan al-Banna dengan kitabnya yang bertajuk Risalah al-Mannar dan Imam al-Ghazali dengan kitabnya yang masyhur iaitu Ihya' Ulumuddin.

Selain itu, kajian ini juga turut meninjau tahap pendidikan terakhir responden sebelum memasuki UTM. Hasil analisis menunjukkan bahawa sebahagian besar responden terdiri daripada pelajar lepasan STPM iaitu sebanyak 82.6%. Manakala sebanyak 15.2% adalah pelajar lepasan diploma dan terdapat seorang responden iaitu 2.2% adalah lepasan STAM. Ini adalah penting untuk melihat tahap pendidikan agama responden sebelum memasuki UTM.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Ummi Hamidah Jusoh (2003) pelaksanaan aktiviti dakwah di sekolah berpotensi untuk mendidik pelajar menjadi orang yang berilmu, beriman, beramal serta berakhlak murni kerana asas-asas yang menjurus ke arah matlamat tersebut terdapat dalam dakwah menurut syariat Islam.

Berdasarkan maklumat daripada latar belakang responden, dapat disimpulkan bahawa 100% responden berlatar belakang agama dan mereka masih lagi meneruskan pembelajaran dalam bidang agama Islam. Ini merupakan satu perkara yang membanggakan dan haruslah diteruskan. Apabila ada generasi sekarang yang masih berpegang teguh dengan ajaran Islam, nescaya agama Islam akan terus disebar dan menjadi satu agama yang unggul serta relevan untuk semua orang.

Mengenalpasti Kepekaan Pelajar 4 SPI Terhadap Aktiviti Dakwah Dalam Kalangan Pelajar

Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenalpasti kepekaan pelajar 4 SPI terhadap aktiviti dakwah dalam kalangan pelajar. Sebanyak 20 item telah dibina untuk mengkaji persoalan kajian ini. Berdasarkan hasil analisis yang diperolehi, responden mempunyai persepsi yang positif terhadap aktiviti dakwah. Nilai min bagi keseluruhan item bahagian ini adalah 4.11.

Nilai min tertinggi keseluruhan bagi objektif pertama adalah 4.65 di manapelajar bersetuju bahawa mereka amat memerlukan aktiviti dakwah untuk memantapkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T. Manusia sememangnya memerlukan santapan rohani sebagai memenuhi tuntutan sebagai seorang hamba. Ia boleh dilakukan sesama manusia dengan pelbagai cara antaranya saling memberi peringatan dan mengajak manusia ke arah kebaikan. Menurut Abdul Karim Zaidan (2002:345), Allah S.W.T. telah memberikan penghormatan kepada umat manusia untuk berkongsi memikul tugas dakwah bersama Rasulullah s.a.w. Firman Allah S.W.T. :

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ

بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

Maksudnya: "Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, seketengahnya menjadi penolong kepada seketengahnya yang lain. Mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan".

(Surah al-Taubah, 9:71)

Para pelajar memerlukan aktiviti dakwah sebagai salah satu cara yang berkesan untuk mendekati diri dengan Allah S.W.T. Aktiviti dakwah yang dilaksanakan mestilah menepati dengan kehendak sebagai seorang pelajar antaranya usrah, ceramah, kursus-kursus yang berbentuk keagamaan dan banyak lagi aktiviti yang boleh dilakukan.

Contohnya program usrah dapat membina generasi pelajar yang akan menegakkan akhlak Islamiyyah dalam diri, memantapkan pengetahuan agama dan sensitif terhadap segala yang 'Non Islamic' (Mohd Nasir Jaafar, 1989:10). Menurut Abd Aziz Mohd Zin (2004:121), ceramah merupakan satu penerangan dan perbincangan yang sangat baik kerana ianya akan memberikan penjelasan yang nyata dan terang apabila ia disampaikan dengan penuh bijaksana.

Aktiviti dakwah lain yang boleh diterapkan dalam diri pelajar termasuklah membina hubungan baik sesama pelajar. Pelajar juga boleh mengamalkan sifat-sifat terpuji seperti nasihat-menasihati serta mengikuti perbincangan tentang permasalahan agama.

Oleh itu, aktiviti dakwah amat diperlukan oleh pelajar untuk menjamin kehidupan yang sempurna dan tidak terpesong dari landasan yang ditetapkan syara'. Mereka juga memerlukan aktiviti dakwah sebagai petunjuk untuk membawa mereka ke arah yang benar dan seterusnya mendapat keredhaan Allah S.W.T. di dunia dan akhirat.

Hasil analisis mendapati, nilai min yang berada pada tahap sederhana keseluruhan adalah 4.02. Para pelajar mengakui bahawa jadual belajar dan jadual kuliah tidak menjadi penghalang kepada mereka untuk menyertai aktiviti dakwah. Ini disokong oleh dapatan daripada Ummi Hamidah (2003) sebanyak 79% responden bersetuju bahawa aktiviti dakwah tidak mengganggu pelajaran mereka.

Bagi dapatan min terendah keseluruhan dalam objektif pertama adalah 3.65. Walau bagaimanapun, dapatan ini masih berada pada tahap tinggi. Lebih separuh daripada responden mengakui bahawa mereka sentiasa menghadiri setiap program dan aktiviti dakwah yang dilaksanakan. Ini dapat dibuktikan dengan dapatan yang diperolehi bahawa jadual belajar tidak menjadi penghalang kepada mereka untuk menyertai aktiviti dakwah.

Persepsi Pelajar Terhadap Metodologi Dakwah Yang Digunakan

Objektif kedua kajian ini adalah untuk melihat persepsi pelajar terhadap metodologi dakwah yang digunakan. Sebanyak 20 item telah dibina untuk mengkaji persoalan kajian ini. Berdasarkan hasil analisis yang diperolehi, responden mempunyai persepsi yang positif terhadap aktiviti dakwah yang dijalankan. Nilai min bagi keseluruhan item bahagian ini adalah 4.29.

Hasil analisis yang diperolehi daripada keseluruhan objektif kedua, nilai min tertinggi adalah 4.56. Majoriti responden mengatakan bahawa metod usrah membantu pelajar meningkatkan ilmu pengetahuan berkaitan agama Islam. Menurut Ya'qub Muhammad Hussin, (2001:15) usrah dapat menjalin dan mengukuhkan ikatan ukhwwah dan persaudaraan serta memupuk semangat bertindak dan bekerja secara jamaah.

Program usrah adalah satu bentuk kegiatan dan pengisian yang paling mustahak diwujudkan serta digerakkan di kolej-kolej. Usrah juga merupakan aktiviti berkumpulan yang bertujuan mewujudkan perpaduan antara ahli (Hassan Al-Banna, 1979:4).

Pengkaji berpendapat, metod dakwah seperti usrah merupakan salah satu metod yang berkesan dilaksanakan kepada pelajar. Hal ini kerana, melalui usrah pelajar dapat berkongsi idea dan pendapat dalam perkara yang berkaitan dengan agama Islam. Dengan cara ini, pelajar dapat meningkatkan pengetahuan dan mewujudkan hubungan yang baik sesama Islam.

Hasil daripada analisis, item yang mempunyai nilai min pada tahap sederhana keseluruhan objektif kedua adalah 4.41. Majoriti responden bersetuju bahawa ceramah agama merupakan metod dakwah yang diminati. Ini kerana ceramah merupakan satu penerangan dan perbincangan yang sangat baik serta dapat memberi penjelasan yang nyata apabila ia disampaikan dengan penuh bijaksana.

Ceramah merupakan cara yang baik untuk menyampaikan dakwah dan cara ini digunakan untuk menghimpun orang-orang yang tidak dikenali oleh pendakwah. Kebiasaannya, pendakwah hanya mengenali sebahagian hadirin sahaja. Bagi menjayakan program ceramah ini, pendakwah perlu mempunyai beberapa persoalan yang ingin diperjelaskan ataupun ingin diketengahkan. Penggunaan metod ini sebagai salah satu cara berdakwah mestilah mengambil kira keadaan masyarakat setempat dan tidak bercanggah dengan akidah Islam (Abdul Karim Zaidan, 2002:528).

Kenyataan ini dikuatkan lagi dengan Ghazali Darusalam (1996:32) bahawa ceramah di dalam Islam merupakan satu corak hidup, satu kegiatan yang membolehkan agama meresap ke hati, bergerak daripada suatu fikiran kepada fikiran yang lain, berpindah dari satu generasi kepada generasi mengikut masa dan tempat.

Dapatan min terendah keseluruhan adalah 3.30 dan min ini berada pada tahap sederhana. Ini kerana, hanya sebilangan kecil pelajar mengakui bahawa Rising Down merupakan salah satu bahan bacaan yang diminati. Pengkaji berpendapat bahawa, pelajar tidak terdedah dengan risalah yang diterbitkan ataupun kurang mengambil tahu tentang bahan bacaan ringan. Bahan bacaan seperti ini banyak memberi pengetahuan baru kepada pembaca walaupun hanya sekadar bacaan ringan.

Menurut Abd Karim Zaidan (2002:357), penulisan akan membolehkan berjuta-juta manusia dapat menerima risalah Islam dengan cara yang lebih mudah tanpa perlu kepada satu-satu waktu yang khusus. Penyataan ini juga disokong oleh Ghazali Darusalam (1996:34) bahawa penulisan merupakan sebahagian daripada ceramah dan tidak boleh dipisahkan daripada dakwah. Ia bergantung kepada akal dan fikiran serta mengemukakan dalil-dalil yang jelas, tersusun dengan bukti-bukti untuk membenarkan ataupun menolak sesuatu perkara.

Oleh itu, penulisan risalah juga penting dalam menyampaikan dakwah kerana melaluinya banyak ilmu yang bermanfaat dan nasihat yang bermutu dapat disampaikan. Ini akan menjadikan bidang dakwah lebih luas dan tidak terhad kepada seseorang pendakwah sahaja.

Penambahbaikan Dalam Pelaksanaan Aktiviti Dakwah Dalam Kalangan Pelajar

Objektif ketiga kajian ini adalah untuk melihat penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti dakwah. Sebanyak 20 item telah dibina untuk mengkaji persoalan kajian ini. Berdasarkan hasil analisis yang diperolehi, responden mempunyai persepsi yang positif terhadap penambahbaikan dalam aktiviti dakwah. Purata min bagi keseluruhan item bahagian ini adalah 4.60

Dapatan min tertinggi keseluruhan item adalah 4.76. 100% responden bersetuju bahawa pihak media perlu memperbanyakkan saluran yang berbentuk kerohanian. Jika dilihat kepada saluran media hari ini, didapati sebilangan besar menyangkan rancangan berbentuk hiburan.

Menurut Dr. Halim Shafie, Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia mengakui bahawa televisyen dalam negara ini lebih terkenal sebagai media hiburan berbanding pengetahuan. Melalui kertas kerjanya: "Televisyen antara meningkat pengetahuan, hiburan dan keuntungan. Mana yang lebih penting" menyenaraikan kadar hiburan dalam televisyen hari ini. Menurutnya, saluran ASTRO menduduki tempat teratas dengan 95% rancangannya berbentuk hiburan diikuti dengan 8 TV sebanyak 89%, TV 9 sebanyak 85%, RTM 2 sebanyak 70%, NTV 7 68%, TV 3 61% dan saluran RTM 1 sebanyak 50%. Hal ini amat menyedihkan kerana masyarakat hari ini sememangnya menjadikan televisyen sebagai sumber utama untuk mendapatkan maklumat.

Menurut Ab. Aziz Mohd Zin (2001:189), media elektronik juga boleh digunakan dalam menyampaikan mesej dakwah. Media boleh digunakan sepenuhnya ataupun sebahagiannya sahaja mengikut keperluan.

Penggunaan media yang betul akan menjadi tarikan dan memberi kesan yang baik kepada penonton. Oleh itu, semua pihak perlu mengambil berat perubahan yang berlaku dalam masyarakat terutamanya ke arah negatif hasil pendedahan oleh pihak media. Semua pihak termasuklah kerajaan, badan-badan NGO yang terlibat secara langsung dalam dakwah perlu mencari pendekatan sesuai dalam menyebarkan dakwah Islamiyah.

Hasil daripada analisis, item yang mempunyai nilai min pada tahap sederhana keseluruhan objektif ketiga adalah 4.61 iaitu pendakwah perlu mendalami suasana, kehendak serta arah tuju masyarakat dalam menyampaikan dakwah. Ini disokong oleh dapatan kajian yang telah dilakukan oleh Hairul Hisyam (2004:78) yang mana 98.8% respondennya bersetuju bahawa setiap pendakwah perlu mempunyai ilmu dan kepakaran dalam berdakwah.

Menurut 'Aid Abdullah al-Qarni (2007:10) kewajipan pertama yang perlu diketahui oleh pendakwah ialah mengenalpasti arah tuju orang yang hendak didakwahnya. Sesiapa yang berdakwah tanpa mengetahui arah tuju orang yang didakwah, maka dia tidak akan menemui jalan terbaik dalam menyampaikan dakwah Islamiyyah. Firman Allah S.W.T.:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ

Maksudnya: "Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik"

(Surah al-Nahl: 16:125)

Ini disokong oleh pandangan Said bin Ali al-Qahthani (1994:387), seseorang pendakwah perlu mengetahui keadaan masyarakat yang menerima dakwah. Rasulullah s.a.w. sentiasa mengajarkan ilmu, memberi nasihat dan berbincang sesuai dengan situasi dan keadaan masyarakat yang menerimanya.

Oleh itu, tindakan seseorang pendakwah mestilah berdasarkan ilmu dan tujuan dakwah serta keadaan masyarakat sesuatu tempat. Mereka juga mestilah mengetahui sejauhmana perkataan serta perbuatannya bertepatan dengan syarak. Ini merupakan cara berkesan dalam menyebarkan ajaran Islam kepada umat manusia.

Dapatan min terendah keseluruhan bagi objektif ketiga adalah 3.87. Responden bersetuju bahawa aktiviti dakwah perlu diadakan di tempat yang dikhaskan. Berdasarkan statistik yang ada hasil daripada kajian yang dibuat, ramai yang tidak memilih pernyataan "aktiviti dakwah perlu diadakan di tempat yang dikhaskan". Ini kerana, dakwah merupakan salah satu medium yang diperlukan dalam kehidupan seharian, ia tidak terbatas kepada tempat-tempat tertentu sahaja.

Rumusan

Kepekaan pelajar hari ini terhadap isu-isu semasa berkaitan dengan agama Islam sangat tinggi. Mengikut kajian yang dilakukan, para pelajar begitu peka terhadap aktiviti dakwah yang ada di sekeliling mereka antaranya ceramah agama, usrah dan sebarang bentuk aktiviti dakwah yang dilakukan. Aktiviti dakwah sangat penting untuk menyebarkan ajaran Islam tidak kira dalam apa jua bidang termasuklah ibadat, muamalat dan ekonomi.

Dalam menyampaikan uslub dakwah, metodologi yang digunakan perlu ditekankan di samping strategi yang berkesan hendaklah diberi perhatian yang sewajarnya. Majoriti responden memilih usrah sebagai metod dakwah yang paling berkesan. Bagi seseorang pendakwah, ilmu pengetahuan sangat penting dalam menyampaikan dakwah. Di samping kemahiran-kemahiran dalam bidang tertentu, pendakwah juga perlu mendalami suasana, kehendak serta arah tuju masyarakat dalam menyampaikan dakwah. Aspek latar belakang, sosio budaya, sosio ekonomi dan tahap akademik juga perlu ditekankan supaya dakwah yang disampaikan dapat diterima.

Penambahbaikan dalam menjalankan aktiviti dakwah juga diperlukan supaya aktiviti dakwah berjalan dengan lancar dan dapat diterima. Hasil daripada kajian yang dibuat, didapati penggunaan media sebagai salah satu medium dakwah memerlukan penambahbaikan dalam saluran-saluran yang ditayangkan. Hal ini kerana, mereka lebih cenderung dan terikut-ikut dengan saluran media kerana mereka telah disogok melalui siaran-siaran yang berbentuk hiburan. Saluran media tidak semestinya media elektronik sahaja malah ia termasuk juga media cetak memainkan peranan penting dalam masyarakat hari ini.

Oleh itu, perancangan yang sewajarnya harus diambil kira dalam melahirkan masyarakat berilmu dan berpengetahuan serta tidak terpesong dari landasan yang ditetapkan. Pihak media seharusnya menekankan unsur pengetahuan dan kerohanian dalam rancangan-rancangan yang disediakan bukannya hiburan semata-mata.

Rujukan

- Ab. Aziz b Mohd Zin (2001). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Ghafar Haji Don dan Shamsul Bahri Andi Galigo (1998). *Dakwah Menjana Masyarakat Madani*. Selangor: UKM.
- Abdul Ghafar Haji Don, Berhanudin Abdullah dan Zulkiple Abd. Ghani (1998). *Dakwah Kepada Non-Muslim Di Malaysia: Konsep, Metode Dan Pengalaman*. Selangor: UKM.
- Abdul Karim Zaidan (2002). *Islam Dan Dakwah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (Hamka) (1987). *Tafsir Al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Abdullah b Hassan (2001). *Komunikasi Untuk Bakal Pendakwah*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- 'Aidh Abdullah Al-Qarni (2007). *Petunjuk Berdakwah Dengan Berkesan*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Ebel, R, LE & Frisbie, D.A (1986). *Essential of Educational Measerument*. New Jersy: Prentice Hall.
- Fariza Md. Sham et.al (2006). *Dakwah Dan Kaunseling Di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Fathi Yakan (2004). *Bahtera Penyelamat Dalam Kehidupan Pendakwah*. Selangor: Dewan pustaka Fajar.
- Ghazali Darusalam (1996). *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- H.A. Hafizah Dusuki M.A, (1994), *Ensiklopedia Islam Jilid 2*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hairul Hisyam bin Ismail (2004). *Persepsi Pelajar SPI Terhadap Dakwah Kepada Non-Muslim Di Kampus*. Johor:UTM.